

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKOSISTEM KONDUSIF
SEKTOR AWAM (EKSA) IBU PEJABAT, JTM BIL 1/2021**

Tarikh	:	22 Oktober 2021 (Jumaat)
Masa	:	3:00 petang
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, JTM
Pengerusi	:	Encik Mat Setia bin Mohd Raji Timbalan Ketua Pengarah JTM
Kehadiran	:	Seperti di LAMPIRAN 1

1. PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1. Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua Ahli Jawatankuasa Induk EKSA Ibu Pejabat JTM yang baharu dilantik ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA Ibu Pejabat JTM Bilangan 1/2021.
- 1.2. Pengerusi turut memaklumkan EKSA adalah bertujuan menambah baik dan menjenamakan semula Amalan Sistem Persekitaran Berkualiti (QE/5S). Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah memperkenalkan EKSA mulai Januari 2014. Seterusnya, pihak MAMPU pada 24 Jun 2015 telah menerbitkan Panduan Pelaksanaan EKSA bagi menggantikan Panduan Amalan 5S Sektor Awam yang dikeluarkan pada 19 Mei 2010. Inisiatif penjenamaan semula amalan QE/5S ini mengambil kira keperluan bagi mengetengahkan persekitaran kerja yang berkualiti, kondusif dan berimej korporat supaya lebih relevan kepada jabatan/agensi sektor awam di Malaysia.
- 1.3. Pengerusi memaklumkan kali terakhir program EKSA di Ibu Pejabat JTM dilaksanakan adalah pada tahun 2017 dan mesyuarat kali ini bercadang untuk mengaktifkan semula program EKSA ke arah mencapai Teras 3, Pelan Perancangan Strategik 2021 – 2025.
- 1.4. Pengerusi berharap mesyuarat kali ini merupakan suatu titik permulaan bagi mengaktifkan program EKSA Ibu Pejabat selain dari mengorak langkah untuk berkolaborasi dengan ILJTM agar perancangan untuk mendapatkan persijilan EKSA daripada MAMPU akan berjalan lancar.

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()

- 1.5. Pengerusi juga berharap agar pelaksanaan program EKSA kali ini dapat berjalan dengan cekap dan lancar.

MAKLUMAN

2. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat mengambil maklum:

- 2.1. Pihak Urus Setia telah pun mengeluarkan surat pelantikan Ahli Jawatankuasa EKSA yang baru melalui surat pelantikan rujukan JTM/HQ//100-12/10 (1) bertarikh 22 September 2021. Walau bagaimanapun, pelantikan semula akan dibuat yang melibatkan semua Bahagian di Ibu Pejabat bagi mencapai maksud EKSA secara keseluruhannya.
- 2.2. Polisi EKSA yang baharu perlu dibuat dengan mengekalkan penggunaan objektif dan logo yang lama. Walau bagaimanapun, nama penaung perlu ditukar kepada nama Ketua Pengarah yang baharu iaitu Encik Shakib bin Ahmad Shakir.

MAKLUMAN

Mesyuarat bersetuju:

- 2.3. Pelantikan Jawatankuasa Pemandu EKSA JTM yang baharu perlu dibuat sebelum mesyuarat akan datang bersama-sama dengan carta perbatuan aktiviti EKSA bagi memantapkan usaha jabatan dalam membudayakan EKSA di kalangan warga JTM serta perancangan untuk mendapatkan persijilan EKSA pada tahun hadapan. Cadangan carta perbatuan tersebut akan dibentangkan dalam mesyuarat EKSA Bil2/2021.

TINDAKAN: Urus Setia

- 2.4. Pelantikan ahli Jawatankuasa di setiap Bahagian/Zon akan dibuat oleh Pengerusi/Ketua Zon masing-masing dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat EKSA Bil.2/2021.

TINDAKAN: Semua Ketua/ Penyelaras Zon

- 2.5. Pengemaskinian zon-zon pelaksanaan EKSA akan dilaksanakan. Setiap Bahagian akan diberikan pelan lantai zon untuk diwarnakan mengikut pilihan warna yang akan diselaraskan kemudian.

TINDAKAN: Urus Setia/ Semua Penyelaras Zon

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()

- 2.6. Cadangan nama bagi zon-zon EKSA di setiap Bahagian telah dipersetujui ditetapkan berdasarkan jenis *gemstone* (contoh; *sapphire, emerald* dll). Kebebasan untuk memilih nama yang bersesuaian akan diberikan kepada Bahagian/ Zon masing-masing.

TINDAKAN: Semua Penyelaras Zon

- 2.7. Pengemaskinian Dasar dan Panduan Pelaksanaan EKSA JTM akan dilaksanakan agar ianya bersesuaian dengan pelaksanaan EKSA pada masa ini. Pihak urus setia akan mengedarkan panduan tersebut kepada semua Pengerusi Zon untuk tindakan selanjutnya.

TINDAKAN: Semua Penyelaras Zon

- 2.8. Cadangan mewujudkan *website / portal* sudut EKSA Ibu Pejabat JTM secara maya telah dipersetujui bagi tujuan memudahkan urusan pengemaskinian aktiviti dan tujuan pensijilan. Draf reka bentuk *website / portal* tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat EKSA Bil.2/2021 akan datang.

TINDAKAN: Jawatankuasa Promosi

3. HAL-HAL LAIN

- 3.1. Pengerusi mencadangkan agar Mesyuarat EKSA akan datang di sekaligus dengan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi memudahkan urusan penyelarasan.

TINDAKAN: Urusetia

4. PENUTUP

- 4.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menanggungkan mesyuarat pada jam 4.30 petang.

MAKLUMAN

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()

Disediakan Oleh :




.....
(NURHAIZUM BINTI MAT YUSOF)

Setiausaha

Tarikh : 1/11/2021

Disemak Oleh :




.....
(AZIZUL BIN MUSTAFA)

PKP

Tarikh : 1/11/2021

Diluluskan Oleh :



.....
(MAT SETIA BIN MOHD RAJI)

TKP

Tarikh : 1/11/2021

SENARAI KEHADIRAN:

- | | | | |
|-----|--------------------------------------|---|----------------------------|
| 1. | Encik Mat Setia bin Mohd Raji | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Azizul bin Mustafa | - | Penyelaras |
| 3. | Encik Noor Imran bin Mohamad | - | Fasilitator |
| 4. | Encik Muhammad Hafiz bin Harun | - | Jawatankuasa Audit |
| 5. | Puan Mazra Neesha binti Abdul Hussin | - | Jawatankuasa Latihan |
| 6. | YBrs. Dr. Azmir bin Mohd Yunus | - | Ahli |
| 7. | Encik Abd Halim bin Ali Mohammed | - | Ahli |
| 8. | Puan Junnaina binti Husin Chua | - | Ahli |
| 9. | Puan Junita binti Mohamed Ali | - | Ahli |
| 10. | Puan Nurhaizum binti Mat Yusof | - | Setiausaha |
| 11. | Puan Rekha A/P Kanapathy | - | Penolong Setiausaha |
| 12. | Puan Khaliza binti Khalid | - | Urus setia |
| 13. | Puan Juliana binti Ali | - | Urus setia |
| 14. | Encik Mohd Fazli bin Ramli | - | Wakil Jawatankuasa Promosi |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|-----|------------------------------|---|----------------------|
| 15. | Puan Zailawani binti Mukhtar | - | Jawatankuasa Promosi |
| 16. | Encik Rosli bin Abd Hamid | - | Urus setia |